

Sinar Harian - 13/5/2016

## Eseri pertandingkan tiga produk inovasi dalam ITEX 2016

**KUALA LUMPUR** - Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) menghantar sebanyak tiga produk inovasi sempena Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2016 (ITEX 2016) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini bermula semalam hingga Ahad ini.

Pengarah Eseri, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, tiga produk tersebut adalah bot pintar (iBoat), Easy Qibla dan produk pembersihan kolam serta makanan pembenihan akuakultur (MorElla) yang merupakan 100 peratus hasil inovasi penyelidik dari Eseri.

Katanya, inovasi produk itu melibatkan kajian dari-



**HAFIZAN** (kanan) menunjukkan salah satu produk inovasi Eseri di ITEX 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.

pada 16 penyelidik dengan menggunakan bahan dan sumber mentah dari sekitar Terengganu dengan kos RM12,000 sahaja.

"Tiga produk tersebut merupakan kajian inovasi terbaik Unisza yang telah memenangi pingat emas dalam pertandingan Minggu Penyelidikan

dan Inovasi Unisza pada Mac lalu," katanya di sini semalam.

Ujarnya, mana-mana pihak yang ingin mengetahui lanjut mengenai produk inovasi tersebut boleh menghubungi Eseri di talian **09-6688 695** atau melalui laman web [www.unisza.edu.my/eseri](http://www.unisza.edu.my/eseri).